

KPKT peruntuk **RM3.54 juta**

Merangkumi bantuan serta-merta, baik pulih dan selenggara Pangsapuri Sri Perantau

MUHAMMAD FAIZ SULONG

PELABUHAN KLANG - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukkan RM3.54 juta bagi tujuan baik pulih dan penyelenggaraan di Pangsapuri Sri Perantau, di sini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar dalam lawatannya berkata, peruntukan berkenaan turut merangkumi bantuan serta merta bagi membaiki tangki air yang dilaporkan pecah sejak kelmarin.

"Ini kira lawatan mengejut kerana semalam (kelmarin) saya dapat panggilan yang kata tangki air di blok E Pangsapuri Sri Perantau pecah dan tindakan pertama saya minta bomba bekalkan air, kemudian saya minta tangki air ini dibaiki segera

bagi elakkan kesulitan kepada penduduk.

"Saya datang dan lihat sendiri masalah ini, maka kita ambil tindakan serta merta, malah kontraktor pun kita dah lantik. Kita dah buat kiraan dan kosnya sekitar RM 350,000.

"Jadi hari ini (semalam) kita luluskan serta merta dan projek ini akan dimulakan seberapa segera bagi mengelakkan sebarang gangguan harian kepada penduduk," katanya pada sidang media ketika membuat lawatan kerja ke Pangsapuri Sri Perantau, semalam.

Noh turut meluluskan peruntukan bagi membaiki bumbung, tangki air dan juga tangki kumbahan di beberapa blok yang masing-masing berjumlah RM1.14 juta, RM1.25 juta dan RM800,000.

INFO • Kelulusan segera peruntukan oleh KPKT bagi mengelak sebarang gangguan harian kepada penduduk

"Melalui lawatan sebelum ini juga, kita lihat masalah bumbung di enam blok lama menjadi masalah dan kita umumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM1.14 juta.

"Begitu juga tangki air di lima blok lagi, saya dimaklumkan dalam keadaan yang uzur. Jadi kita luluskan peruntukan baik pulih sebanyak RM1.25 juta serta RM800,000 untuk baik pulih tangki kumbahan di blok J," katanya.



Noh beramah mesra dengan penduduk Pangsapuri Sri Perantau semasa mengadakan tinjauan dan lawatan, semalam.

Foto: ROSLI TALIB